



Daing Nasir (kanan) diberi penerangan oleh Mohamed Nizam (tengah) selepas majlis penyerahan perisian proses kawalan simulasi dan menandatangani MoU antara UMP dan industri di Kuantan, semalam.

[FOTO MOHD RAFI MAMAT / BH]

untuk kegunaan makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) untuk meningkatkan keupayaan kemudahan yang disediakan.

Turut diadakan MoU dengan Might Meteor Advanced Manufacturing Sdn Bhd (MMAM) dan Setegap Ventures Petroleum (Malaysia) Sdn Bhd (SVP).

Daing Nasir berkata, kerjasama dengan dua syarikat itu memberi peluang kepada 34 graduan UMP menjalani latihan dan pengalaman diperoleh membuka peluang kepada mereka diterima bekerja dengan 20 syarikat berteknologi tinggi di negara ini.

Mengalu-alukan kerjasama
Katanya, kemampuan tinggi graduan UMP diyakini memberi kelebihan kepada mereka untuk menerima gaji permulaan menccah RM4,000 setaraf dengan syarikat tempat mereka bekerja.

"Kita sentiasa mengalukan mana-mana syarikat kejuruteraan yang berminat mengadakan MoU dengan UMP bagi membuka peluang kepada pelajar menimba seberapa banyak pengalaman diperlukan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Syarikat Didaktik Engineering Werks, Mohamed Nizam Hanafiah, berkata perisian itu diharap dapat meningkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran makmal FKKSA.

"Kerjasama selama dua tahun memberi faedah kepada banyak pihak terutama kepada mahasiswa UMP dan industri berikutnya perisian ini digunakan secara meluas oleh banyak syarikat yang terbabit dengan industri gas dan minyak."

"Perjanjian yang dibuat turut memberi peluang kepada pelajar UMP mengikuti latihan dalam usaha menambahkan lagi kemahiran dan pengalaman," katanya.

Pasaran graduan UMP meningkat

» Tawaran pekerjaan diterima daripada syarikat swasta tempatan, antarabangsa

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuantan

Keupayaan pasaran graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) didapati meningkat setiap tahun, berdasarkan tawaran pekerjaan dengan pendapatan lumayan yang diterima mereka.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata keadaan itu membuktikan bidang kejuruteraan kini semakin mendapat tempat, sei-

ring kemajuan dan kepesatan ekonomi negara dalam menuju status negara maju pada 2020.

Katanya, setiap tahun semakin banyak syarikat swasta tempatan dan antarabangsa tampil menawarkan peluang pekerjaan kepada graduan UMP, selain ruang mengikuti latihan amali.

Tingkat kualiti pendidikan

"Kita akan terus meningkatkan kualiti pendidikan dalam usaha meletakkan UMP seberis universiti terkemuka lain. Justeru itu, pelbagai pendekatan sudah dan akan diambil secara berperingkat.

"Harapan saya untuk melihat graduan UMP dalam apa juga jurusan mendapat pekerjaan sama ada sektor swasta atau awam dalam tempoh tidak sampai setahun mereka menamatkan pengajian," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan perisian proses kawalan simulasi dan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara UMP dan industri di Dewan Tun Fatimah, di sini, semalam.

Pada majlis berkenaan UMP menerima perisian bernilai RM150,000 daripada Syarikat Didaktik Engineering Werks